JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Accountant General's Department of Malaysia
NEGERI PAHANG
Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09-591 5000
Faks : 09-516 4931
Laman Web : https://pahang.anm.gov.my

Rujukan Kami: ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.6 (34)
Tarikh : 18 Jun 2026

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN PENUTUPAN AKAUN BULANAN BAGI BULAN JUN 2026

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan buletin Jabatan ini rujukan ANM.PHG.600-15/2/85JLD.3(95) bertarikh 16 Disember 2025 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan penutupan akaun bulanan bagi bulan Jun 2026 kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Pahang hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut :

2.1 ARAHAN PEMBAYARAN

(i) Sila pastikan dokumen Arahan Pembayaran dilaksanakan sehingga **Perakuan 2** selewat-lewatnya jam **12.00 Tengah Hari** pada **30 Jun 2026 (Selasa)**. Tindakan peraku 2 hanya boleh diteruskan bermula 1 Julai 2026 (Rabu);

(ii) PTJ adalah tertakluk kepada peraturan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 103(a);

(iii) Sekiranya GAGAL mematuhi arahan seperti di para 2.1 (i), sila kemukakan **surat penjelasan ketidakpatuhan** dan salinan diemelkan ke bayaran_phg@anm.gov.my **sebelum atau pada 6 Julai 2026.**

2.2 TERIMAAN

(i) Sila pastikan semua kutipan sebelum atau pada **30 Jun 2026 (Selasa)**. telah dibankkan **selewat-lewatnya jam 3.00 petang** seperti ketetapan AP78 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2025;

(ii) Manakala bagi kutipan lewat pada 30 Jun 2026 (Selasa) yang tidak sempat dibankkan, WAJIB disediakan RESIT dan dibuat SERAHAN WANG **selewat-lewatnya pada 30 Jun 2026 (Selasa)** sebelum **jam 11.59 malam;**

(iii) Sekiranya GAGAL mematuhi arahan seperti di para 2.2 (i) dan (ii), sila kemukakan **surat penjelasan ketidakpatuhan** dan salinan diemelkan ke terimaan_phg@anm.gov.my **sebelum atau pada 6 Julai 2026.**

3. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam mematuhi arahan ini amatlah diharapkan bagi memastikan proses penutupan akaun bulanan berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(SITI ZAINAB BINTI ISMAIL C.A.(M), CPA(Aust))
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang